

# PELUANG KERJAYA



**Kami sedang mencari individu untuk menyertai perkhidmatan awam yang mempunyai ciri-ciri keperibadian berikut:**



- Keterampilan yang baik;
- Semangat yang tinggi dalam bekerja secara berkumpulan;
- Bakat kepimpinan;
- Ciri-ciri jati diri yang cemerlang; dan
- Kelayakan profesionalisme yang sesuai dengan jawatan.



## PENOLONG PEGAWAI PERTANIAN GRED G29

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS

DIPLOMA  
KUMPULAN  
PELAKSANA

**Kekosongan : 1**

**Simpanan : 4**

### 1. Syarat Lantikan:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) memiliki:
  - (i) Sijil Pertanian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi latihan tempatan atau kelayakan yang setaraf dengannya; atau
  - (ii) diploma dalam bidang pertanian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

### 2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### 3. Keperluan Bidang/Anak Negeri Dan Lokaliti (Ditetapkan oleh Jabatan):

- (a) Keperluan bidang:
  - (i) Pertanian/ Sains Pertanian;
  - (ii) Pengurusan Pertanian;
  - (iii) Agroteknologi;
  - (iv) Bioteknologi Pertanian;
  - (v) Kejuruteraan Pertanian; atau
  - (vi) Pengurusan Ladang
- (b) Calon hendaklah merupakan Anak Negeri Perlis atau bermastautin di Perlis.

## 4. Keperluan Tambahan:

Hanya calon yang telah memperoleh kelayakan/ kelulusan sijil/ diploma yang telah diiktiraf oleh senat universiti/ jawatankuasa berkaitan pada atau sebelum tarikh tutup iklan permohonan jawatan ini layak memohon selaras dengan syarat skim perkhidmatan.

## 5. Maklumat Syarat Lantikan:

**Maklumat syarat lantikan/ gaji/ tugas-tugas jawatan di pautan berikut :**

<https://www.spa.gov.my/spa/laman-utama/gaji-syarat-lantikan-deskripsi-tugas/diploma-stp-stpm-stam-hsc/penolong-pegawai-pertanian-gred-g29>

Calon yang berminat dan memenuhi syarat ditetapkan boleh mengemukakan/ mengemas kini permohonan secara dalam talian melalui Portal Rasmi Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA9):  
<https://spa9.spa.gov.my>. Tarikh tutup permohonan bagi jawatan ini adalah pada 11 April 2021 (Ahad), jam 11.59 malam.

**MOHONLAH SECARA ONLINE DI**   
SISTEM PENDAFTARAN PEKERJAAN  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

<https://spa9.spa.gov.my/>

